

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
KAWASAN : TANJONG KARANG
TARIKH : 16 NOVEMBER 2015, ISNIN

SOALAN:

YB. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR (TANJONG KARANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek Lebuh Raya Damansara - Shah Alam (DASH) dan adakah sebarang kekangan daripada Kerajaan negeri. Sekiranya ada apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) kini sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci dan proses tender pra-kelayakan ('pre-qualification') untuk pemilihan kontraktor. Reka bentuk projek ini turut mengambil kira penambahbaikan reka bentuk jajaran di kawasan Damansara Perdana.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek pembinaan Lebuhraya DASH masih di peringkat pengambilan tanah di bawah Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan telah diwartakan pada 23 Julai 2015. Cadangan jajaran Lebuhraya DASH telah dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Shah Alam 2020 (penggubahan 2) di mana ianya telah diwartakan pada 31 Julai 2014. Manakala untuk Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya, ianya masih di peringkat penelitian Kerajaan Negeri.

Sekian. Terima kasih.